

PPIB kendali mesyuarat MALDEC pertama di Borneo

UB 25.08.2024 P.08

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) menjadi tuan rumah mesyuarat Majlis Dekan Bahasa Universiti Awam (MALDEC) Malaysia Bilangan ke-3 2024 yang julung kali diadakan di Sabah.

Dekan PPIB Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Madya Dr Lai Yew Meng memaklumkan mesyuarat itu dihadiri dekan dan wakil fakulti, pusat serta akademi bahasa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia.

“Mesyuarat peringkat kebangsaan ini bertujuan memperkasa pengamal bahasa dan komunikasi di institusi pengajian tinggi di negara ini,” katanya.

Mesyuarat 4 sehingga 5 Ogos yang melibatkan program komuniti, budaya dan simposium itu dikendalikan satu jawatankuasa kerja yang dipengerusikan Penyelaras Bahasa Inggeris PPIB, Datin Dr Veronica Petrus Atin.

Maldec yang disertai 22 ahli akademik bahasa dari pelbagai universiti awam di Malaysia itu memulakan hari pertama dengan mengadakan



ALBUM: Dr Lai bersama Majlis Dekan Universiti Awam Malaysia merakamkan gambar kenangan.

Jalinan Komuniti di Kundasang yang kemudian diikuti Malam Budaya di Restoran Nelayan, Bukit Padang.

Keesokannya, Pengerusi Maldec Prof Madya Dr Nik Aloesnita Nik Mohd Alwi yang juga Dekan Pusat Bahasa Moden, Universiti Malaysia Pahang Sultan Ahmad (UMPSA)

mempengerusikan mesyuarat.

Program Maldec di Sabah diakhiri dengan simposium yang diadakan di Galeri Azman Hashim UMS bertemakan ‘Pemerkasaan Pengamal Bahasa dan Komunikasi di Institusi Pengajian Tinggi Malaysia’.

Tiga pembentangan disampaikan dalam simposium

itu terdiri dari topik ‘Bahasa Warisan’ oleh Prof Madya Dr Mazura@Mastura Muhammad dari UPSI, ‘Bahasa Inggeris’ oleh Dr Faridah dari UIAM dan ‘Pengembangan Pembelajaran Bahasa Berasaskan Teknologi’ oleh Prof Dr Surinderpal Kaur A/P Chanan Singh dari UM.